

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 2 TAHUN 2024

TARIKH : **22 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)**
MASA : **9.30 PAGI**
TEMPAT : **BILIK CEMPAKA KUNING,
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

HADIR

1. **YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, *D.I.M.P.***
Yang Dipertua, MPKL - Pengerusi
2. **Y.D.M Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun,**
D.S.I.S., A.M.S., P.J.K.
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. **Encik Wong Kim Loon**
Ahli Majlis
4. **Puan P. Umananthini A/P Gnanapragasam**
Ahli Majlis
5. **Cik Ang Lee Yong**
Ahli Majlis
6. **Encik Nadasan A/L Subramani**
Ahli Majlis
7. **Encik Gan Yee Chin**
Ahli Majlis
8. **Encik Yong Keh Chyn**
Ahli Majlis
9. **Encik Lim Lip Suan**
Ahli Majlis
10. **Encik Panalsalwa A/L R Kuppan**
Ahli Majlis
11. **Encik Mat Irwan bin Mat Ismail**
Ahli Majlis

- 12. **Encik Kamalanathan A/L Chellappan**
Ahli Majlis
- 13. **Puan Rukiyah binti Kolamchery**
Ahli Majlis
- 14. **Puan Rashina binti Arsat**
Ahli Majlis
- 15. **Encik Sahnizam bin Othman**
Ahli Majlis
- 16. **Encik Saifull Izam bin Misuan**
Ahli Majlis
- 17. **Encik Ang Eu Liang**
Ahli Majlis
- 18. **Encik Khairul-Azam bin Saroni, A.M.S.**
Setiausaha

TURUT HADIR

- 1. **Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Kejuruteraan
- 2. **Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramli, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan
- 3. **Encik Muhammad Hafizi bin Abd Aziz**
Wakil Pengarah Jabatan Perbendaharaan
- 4. **Sr. Lisawati binti Abd. Karim**
Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
- 5. **Puan Nurasykin binti Mohamad Yusof**
Wakil Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
- 6. **Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap, A.I.S.**
Pengarah Jabatan Lanskap
- 7. **Puan Nordila binti Yasir**
Pengarah Jabatan Pelesenan
- 8. **Encik Wan Putara Noor Shahar bin Ngadirin**
Pengarah Jabatan Penguatkuasaan

9. **Puan Norain binti Mohamed**
Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekutaran
10. **Ts. Syamsol Herwan bin Ahmad**
Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
11. **Puan Hashila binti Hamzah**
Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat
12. **Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat
13. **YBhg. Datin Mohaneswary A/P Batumalai@Subaramaniam**
Ketua Unit Audit Dalam
14. **Tuan Haji Fauzi bin Din, P.J.K.**
Penasihat Undang-Undang
15. **Cik Zurin Atika binti Aman**
Wakil Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan
16. **Gs. Mohd Rizal bin Haji Shamsuddin**
Ketua Unit Pusat Setempat
17. **Encik Muhammad Faiz bin Jambri**
Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan
18. **Encik Husni Naim bin Mat Latif**
Wakil Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra
19. **Encik Rizaki bin Jaapar**
Ketua Unit Integriti

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. **Puan Gan Lay See**
Ahli Majlis

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

1. **Encik Hemabalan A/L Vadamalai**
Pegawai Tadbir
2. **Puan Rosmawati binti Othman**
Pembantu Setiausaha Pejabat

3. **Puan Nur Hazlynda binti Sahimi**
Pembantu Setiausaha Pejabat
4. **Encik Mohd Sahlan bin Tukiran**
Pembantu Operasi
5. **Encik Mohd Shahril bin Sairon**
Pembantu Operasi

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	BACAAN DOA		
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Haji Fauzi bin Din, Penasihat Undang-Undang, Unit Perundangan.		
2.0	UCAPAN PENGERUSI		
	YBhg. Dato' Penggerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat pada hari ini. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan beberapa perkara seperti berikut :		
	2.1	Program Siri Jelajah Madani Peringkat Negeri Selangor akan dilaksanakan selama tiga hari pada 23 sehingga 25 Februari 2024 di Stadium Kuala Selangor. Oleh itu, semua Ahli Majlis dijemput hadir bersama-sama MPP masing-masing bagi menyokong dan memeriahkan program ini. Majlis perasmian oleh YAB Perdana Menteri pada 25 Februari 2024, jam 2.55 petang.	Makluman
	2.2	Majlis Sambutan Tahun Baru Cina 2024 Peringkat Negeri Selangor akan diadakan pada 24 Februari 2024 di IOI City Mall dan akan dihadiri oleh DYMM Sultan Selangor.	Makluman
	2.3	Semua Ahli Majlis dijemput hadir ke Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPKL yang akan diadakan di MAHSA Ballroom pada 26 Februari 2024 dengan tema pakaian batik nusantara.	Makluman
	2.4	Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Kelima Belas Tahun 2024 akan bermula pada 27 Februari 2024 sehingga 11 Mac 2024.	Makluman

	2.5	MPKL telah dianugerahkan dengan Anugerah Emas bagi Integriti, Governans dan Anti Rasuah 2023 (AIGA) dimana majlis penyampaian anugerah akan diadakan pada 29 Februari 2024, jam 8.30 malam di Putrajaya oleh YAB Timbalan Perdana Menteri 2.	Makluman
3.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	3.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 1 TAHUN 2024 YANG TELAH DIADAKAN PADA 30 JANUARI 2024	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Encik Nadasan A/L Subramani tanpa sebarang pindaan.	Makluman
4.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
		- TIADA -	
5.0		MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT :	
	5.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 2 TAHUN 2024 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 FEBRUARI 2024.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	5.2	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 2 TAHUN 2024 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 FEBRUARI 2024.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman

	5.3	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAK BILANGAN 2 TAHUN 2024 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 FEBRUARI 2024.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	5.4	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 2 TAHUN 2024 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 FEBRUARI 2024.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara berikut :	
	5.4.1	<p><u>Perkara 5.1.1</u></p> <p>Encik Gan Yee Chin meminta JKPM membuat hebahan di media sosial berkaitan pengecualian cukai taksiran bagi kediaman kampung secara bersasar yang sedang dilaksanakan supaya penduduk kampung yang berkelayakan boleh membuat permohonan untuk pengecualian tersebut. Beliau juga meminta hebahan tersebut turut memasukkan kenyataan media oleh Exco yang berkaitan supaya penduduk kampung lebih jelas mengenai perkara ini.</p> <p><i>Encik Wong Kim Loon meminta borang pengecualian cukai taksiran tersebut dapat diberikan kepada Ahli Majlis untuk diedarkan kepada penduduk kampung.</i></p> <p><i>Pengarah JKPM memaklumkan pihak Jabatan akan membuat hebahan semula di media sosial rasmi MPKL.</i></p> <p><i>Encik Mat Irwan meminta hebahan dibuat mengenai senarai nilai baru dan kadar cukai baru yang akan dilaksanakan oleh pihak MPKL.</i></p> <p><i>YBhg. Dato' Pengurus mencadangkan JPPH dan JKPM berbincang untuk menghasilkan satu infografik hebahan yang lebih mudah dilihat dan difahami oleh masyarakat.</i></p>	Makluman

	5.4.2	<p>Puan P.Umananthini membangkitkan mengenai sewaan stadium yang belum mencatatkan kutipan.</p> <p><i>Pengarah JPPH memaklumkan Stadium Jugra telah ditutup penggunaannya mulai bulan Mac 2023 sehingga kini. Selain itu, terdapat penggunaan stadium yang dikecualikan daripada bayaran sewaan. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan akan membuat kertas kerja untuk semakan semula kadar sewa stadium ini dalam mesyuarat yang akan datang.</i></p>	JPPH
	5.5	<p>MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 2 TAHUN 2024 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 FEBRUARI 2024.</p>	
		<p>Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara berikut :</p>	
	5.5.1	<p>Puan P. Umananthini memaklumkan ada membangkitkan mengenai peniaga kecil yang perlu mempunyai SSM untuk memohon lesen perniagaan. Walau bagaimanapun peniaga kecil ini sukar mendapat bantuan kerajaan disebabkan mempunyai SSM. Oleh itu, beliau memohon pihak JPL mengkaji semula keperluan pendaftaran SSM ini terhadap peniaga kecil.</p> <p><i>YBhg. Dato' Pengurus meminta Pengarah JPL menyediakan satu kertas kerja berkaitan perkara ini untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan yang akan datang. Ini akan meningkatkan hasil Majlis dan seterusnya memudahkan pihak Jabatan untuk mengumpul data berkaitan penjaja/peniaga kecil di Kuala Langat serta lokasi-lokasi yang dibenarkan untuk bermiaga.</i></p>	JPL
	5.6	<p>MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 2 TAHUN 2024 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 FEBRUARI 2024.</p>	
		<p>Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.</p>	Makluman

	5.7	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 2 TAHUN 2024 YANG TELAH DIADAKAN PADA 15 FEBRUARI 2024.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara berikut :	
	5.7.1	<p><u>Perkara 5.2.2</u></p> <p>Encik Gan Yee Chin mencadangkan pihak Majlis melantik kontraktor untuk menangkap dan melelong lembu-lembu yang ditangkap kerana berkeliaran. Anggota penguat kuasa hanya dapat menangkap lembu yang kecil dan ini bukan tugas anggota untuk membuat tangkapan lembu.</p> <p><i>Penasihat Undang-Undang memaklumkan kerja menangkap lembu boleh dikontrakkan kepada pihak yang lain namun memerlukan seliaan daripada anggota penguat kuasa di lokasi tangkapan.</i></p> <p><i>Encik Mat Irwan memaklumkan terdapat lokasi di Olak Lempit yang disediakan untuk menempatkan lembu-lembu. Beliau mencadangkan pihak Majlis berbincang untuk menempatkan lembu-lembu yang ditangkap ini di lokasi tersebut.</i></p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi menyatakan pernah mengadakan perbincangan dengan pihak Jabatan Veterinar selaku pihak yang mengendali tapak tersebut. Namun dimaklumkan kesemua lot tapak tersebut telah mempunyai pemilik. Pada masa yang sama, Jabatan Veterinar kerap kali meminta pihak Majlis mengambil tindakan dibawah kacau ganggu kerana pihaknya tidak mempunyai unit penguat kuasa.</i></p>	Makluman
	5.7.2	<p><u>Perkara 5.3.2</u></p> <p>Encik Panalsalwa memohon disegerakan pembinaan tempat simpanan anjing. Selain itu, beliau mencadangkan pembinaan sebuah makmal kecil sebagai tempat pemandulan anjing. Beliau juga mencadangkan supaya syarat-syarat pelesenan anjing dapat dilonggarkan untuk menggalakkan lebih ramai</p>	Makluman

		<p>pemilik melesenkan anjing peliharaan mereka.</p> <p><i>Pengarah JPSPKP memaklumkan hanya 70 ekor anjing yang dapat dimandulkan dengan peruntukan sebanyak RM 50,000.00 secara lantikan terus.</i></p> <p><i>Berkaitan untuk melonggarkan syarat-syarat pelesenan anjing, YBhg. Dato' Pengerusi meminta perkara ini dibincangkan dengan Pengarah JPSPKP.</i></p>	
	5.7.3	<p><u>Perkara 5.8.1</u></p> <p>Encik Panalsalwa meminta projek pembinaan Krematorium Serdang Belah dapat disegerakan.</p> <p><i>Pengarah JKPM memaklumkan mesyuarat penyelarasan yang lalu telah meminta konsultan untuk membuat pindaan pada pelan.</i></p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi meminta Ketua UPUB mengingatkan konsultan tersebut untuk menyegerakan proses kerja.</i></p>	Makluman
	5.7.4	<p><u>Perkara 5.3.1</u></p> <p>Encik Gan Yee Chin memaklumkan selepas penyerahan balairaya daripada PDTKL kepada pihak Majlis, beliau ingin tahu bila Balairaya Jalan Mentari akan dinaiktaraf. Ini adalah kerana terdapat kelengkapan pejabat beliau didalam balairaya tersebut.</p> <p><i>Pengarah JK menyatakan akan memaklumkan kepada Encik Gan Yee Chin sebelum kerja menaiktaraf balairaya tersebut dilaksanakan.</i></p>	Makluman
6.0	MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	6.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT BILANGAN 1 TAHUN 2024 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 JANUARI 2024.	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman

	6.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT BILANGAN 2 TAHUN 2024 YANG TELAH DIADAKAN PADA 23 JANUARI 2024.	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
7.0		PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN	
	7.1	<p><u>KERTAS MESYUARAT NO. 1</u></p> <p>PEMAKLUMAN SERAHAN PENIAGA YANG TELAH DIPILIH BAGI MYKIOSK PERSIARAN BANDAR MAHKOTA, TAMAN BANTING BARU DAN BANDAR SAUJANA PUTRA.</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Pelesenan telah mengadakan sesi temuduga bagi pemilihan penyewa MyKiosk di Persiaran Bandar Mahkota, Taman Banting Baru dan Bandar Saujana Putra pada 2 Februari 2024. 2. Pihak JPPH telah menerima memo serahan senarai peniaga yang berjaya bagi sesi temuduga MyKiosk daripada JPL pada 13 Februari 2024 melibatkan : <ol style="list-style-type: none"> 2.1 Lima (5) unit MyKiosk di Persiaran Bandar Mahkota 2.2 Sepuluh (10) unit MyKiosk di Taman Banting Baru 2.3 Lima (5) unit MyKiosk di Bandar Saujana Putra 3. Merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bilangan 9 Tahun 2023 pada 11 September 2023 telah memutuskan kadar sewa bagi MyKiosk yang terlibat adalah seperti berikut : 	JPPH

Lokasi Mykiosk	Kadar Sewa Sebulan
Mykiosk Persiaran Bandar Mahkota	RM120.00
Mykiosk Taman Banting Baru	RM150.00
Mykiosk Bandar Saujana Putra	RM150.00

4. Senarai serahan peniaga MyKiosk yang berjaya temuduga adalah seperti berikut :

Lokasi	Senarai Peniaga Berjaya		Jenis perniagaan
	No. Unit Mykiosk	Nama	
Mykiosk Persiaran Bandar Mahkota	1	Muhammad Mazlan bin Abdullah	Menjual kuih-muih dan nasi lemak
	2	Muhammad Fikri bin Mohd Saad	Menjual makanan bergoreng dan cendol
	3	Saridah binti Asmuni	Menjual set nasi, kuih-muih dan air
	4	Masny binti Basir	Menjual makanan bergoreng dan air balang
	5	Che Zulkarnain bin Mat Husin	Menjual ayam goreng
Mykiosk Taman Banting Baru	1	Muhammad Rifqi bin Jondo Mulyono	Menjual nasi berlauk
	2	Mohd Zailani bin Roslan	Menjual putu mayam
	3	Nurul Hidayah binti Norrahman	Menjual ayam cheese
	4	Mohd Nordin bin Abdul Manis	Menjual air kopi
	5	Zulkefli bin Sabirin	Menjual martabak
	6	Mohd Edi Rahimi bin Abu Bakar	Menjual tortilla wrap
	7	Hazizah binti Ramli	Menjual mee laksa
	8	Muhammad Irwan bin Rahim	Menjual takoyaki, bubur dan minuman
	9	Tiada permohonan yang diterima, Jabatan akan mengiklankan kekosongan Mykiosk	
	10		
Mykiosk Bandar Saujana Putra	1	Muakhkhir bin Abdul Patah	Menjual churros
	2	Norazah binti Mat Isa	Menjual makanan bergoreng dan air balang
	3	Siti Nor Aisyah binti Mokhtar	Menjual makanan bergoreng dan sushi
	4	Nurul Khatimah binti Azmi	Menjual air 'big cup'
	5	Tiada permohonan yang diterima, Jabatan akan mengiklankan kekosongan Mykiosk	

Syor jabatan

1. Jabatan mengesyorkan wang cagaran yang perlu dibayar oleh penyewa premis MyKiosk yang telah dipilih adalah seperti berikut :

		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th><th>Jenis Cagaran</th><th>Jumlah Cagaran (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Cagaran Sewa (3 bulan)</td><td>Bergantung kepada kadar sewa yang telah ditetapkan bagi premis Mykiosk</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>Cagaran Kunci</td><td>RM50.00 bagi 1 unit premis Mykiosk</td></tr> </tbody> </table>	Bil.	Jenis Cagaran	Jumlah Cagaran (RM)	1.	Cagaran Sewa (3 bulan)	Bergantung kepada kadar sewa yang telah ditetapkan bagi premis Mykiosk	2.	Cagaran Kunci	RM50.00 bagi 1 unit premis Mykiosk	
Bil.	Jenis Cagaran	Jumlah Cagaran (RM)										
1.	Cagaran Sewa (3 bulan)	Bergantung kepada kadar sewa yang telah ditetapkan bagi premis Mykiosk										
2.	Cagaran Kunci	RM50.00 bagi 1 unit premis Mykiosk										
		<p>2. Pihak Jabatan turut mengesyorkan untuk memberi pengecualian kenaan sewa sebanyak enam (6) bulan pertama kepada semua penyewa premis MyKiosk Persiaran Bandar Mahkota, Taman Banting Baru dan Bandar Saujana Putra merujuk kepada Kriteria Projek di bawah Garis Panduan Pelaksanaan Inisiatif MyKiosk Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di mana pengecualian sewaan kepada peniaga selama enam (6) bulan pertama perlaksanaan.</p> <p>3. Pihak Jabatan akan mengeluarkan surat tawaran kepada peniaga akan dihantar selepas pemakluman serahan peniaga yang telah dipilih bagi MyKiosk Persiaran Bandar Mahkota, Taman Banting Baru dan Bandar Saujana Putra diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Perbandaran Kuala Langat.</p> <p>4. Seterusnya, setelah peniaga membayar wang cagaran sewa dan cagaran kunci, Jabatan akan memberi surat kebenaran masuk dan kunci kepada peniaga untuk memulakan perniagaan di MyKiosk yang telah ditawarkan.</p>										
	7.2	<p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.</p> <p><u>KERTAS MESYUARAT NO. 2</u></p> <p>PERMOHONAN MENGADAKAN BAZAR RAMADAN DAN BAZAR RAYA TAHUN 2024 DAERAH KUALA LANGAT.</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk</p>	JPL									

pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.

Syor

1. Pihak Jabatan tiada halangan terhadap permohonan ini dan sekiranya diluluskan, pengajur dikenakan syarat-syarat dan bayaran yang telah ditetapkan.
2. Kadar fi dan bayaran yang akan dikenakan adalah seperti berikut :

Permit Bazar Ramadan:

Bil	Butiran	Kadar Fi
1.	Permit Peniaga	RM 60.00 / petak
2.	Pas Pembantu (1-3 orang)	RM 50.00
3.	Pas Permit Bazar Ramadan	RM 5.00 / unit

Permit Bazar Raya:

Bil	Butiran	Kadar Fi
1.	Permit Peniaga	RM 10.00 / petak / hari
2.	Permit Khemah	RM 10.00 / khemah / hari
3.	Cagaran Pematuhan	RM 1,000.00

3. Segala fi dan bayaran perlu dijelaskan selewat-lewatnya 7 hari sebelum hari pengajuran.
4. Pihak pengajur perlu mengemukakan dokumen berikut 7 hari sebelum program dijalankan :
 - 4.1 mengemukakan surat lantikan KDEB bagi kutipan sampah serta bertanggungjawab bagi pengurusan sampah dan menjaga kebersihan di tapak penjaja.
 - 4.2 Peniaga makanan dan minuman perlu mengemukakan salinan sijil kursus pengendalian makanan dan salinan surat suntian TY2 dari mana-mana klinik kerajaan@swasta.
 - 4.3 Resit bayaran dan sekiranya gagal mengemukakan resit dalam tempoh yang ditetapkan, pengajuran bazar ini akan dibatalkan.

	<p>5. Jenis perniagaan yang dibenarkan bagi permit Bazar Ramadan adalah makanan dan minuman sahaja.</p> <p>6. Masa operasi yang dibenarkan bagi pengoperasian Bazar Ramadan adalah bermula dari jam 3.00 petang sehingga 8.00 malam. Manakala bagi masa operasi yang dibenarkan untuk Bazar Raya adalah dari jam 3.00 petang hingga 12.00 malam.</p> <p>7. Memastikan aspek keselamatan dan kawalan lalulintas diutamakan di lokasi serta mendapat bantuan keselamatan daripada pihak Rela.</p> <p>8. Setiap peniaga dan pembantu diwajibkan memakai apron dan penutup kepala (Bazar Ramadan).</p> <p>9. Hanya khemah saiz 8'x8' yang dibenarkan.</p> <p>10. Konsep jualan dibenarkan secara bungkus (take away) sahaja.</p> <p>11. Pematuhan kepada arahan semasa daripada MKN.</p> <p>12. Peniaga perlu menyediakan plastik sampah dan diwajibkan membersihkan tapak niaga sebelum keluar dari tapak bazar.</p> <p>13. Peniaga dilarang menggunakan khidmat warganegara asing dalam aktiviti perniagaan.</p> <p>14. Tidak dibenarkan menimbulkan apa-apa bentuk kacauganggu sebelum, semasa atau selepas karnival dijalankan.</p> <p>15. Pihak MPKL tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kemalangan yang berlaku di tapak bazar sepanjang masa bazar dijalankan.</p> <p>16. Pihak penganjur bazar hendaklah memastikan kawasan tapak perniagaan sentiasa bersih iaitu</p>	
--	--	--

		<p>semasa dan selepas urusniaga. Sebarang pembakaran terbuka adalah dilarang.</p> <p>17. Memastikan barang yang dijual mematuhi syarat daripada KPDN.</p> <p>18. Pengajur juga tertakluk kepada arahan dan perundangan yang dikuatkuasakan oleh MPKL dan agensi Kerajaan lain.</p>																															
<i><u>Butiran permohonan</u></i>																																	
1. Bazar Ramadan Taman Banting Baru																																	
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>Bil</th><th>Butiran</th><th>Permohonan 1</th><th>Permohonan 2</th><th>Permohonan 3</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td><td>Nama pemohon</td><td>Encik Zakaria bin Deraman</td><td>Encik Ahmadon Saffian bin Izaham</td><td>Encik Mat Irwan bin Ismail (MPP Zon 18 & 16- Pemangku)</td></tr> <tr> <td>2</td><td>Jumlah Petak</td><td>70 peniaga</td><td>50 peniaga</td><td>50 peniaga</td></tr> <tr> <td>3</td><td>Lokasi</td><td>Jalan Cengal, Taman Banting Baru</td><td>Jalan Cengal, Taman Banting Baru</td><td>Jalan Cengal, Taman Banting Baru</td></tr> <tr> <td>4</td><td>Tarikh permohonan</td><td>11 Mac – 10 April 2024 (31 hari)</td><td>12 Mac – 9 April 2024 (29 hari)</td><td>12 Mac – 9 April 2024 (29 hari)</td></tr> <tr> <td>5</td><td>Fi Bayaran</td><td>RM 4,550.00</td><td>RM 3,250.00</td><td>RM 3,250.00</td></tr> </tbody> </table>				Bil	Butiran	Permohonan 1	Permohonan 2	Permohonan 3	1	Nama pemohon	Encik Zakaria bin Deraman	Encik Ahmadon Saffian bin Izaham	Encik Mat Irwan bin Ismail (MPP Zon 18 & 16- Pemangku)	2	Jumlah Petak	70 peniaga	50 peniaga	50 peniaga	3	Lokasi	Jalan Cengal, Taman Banting Baru	Jalan Cengal, Taman Banting Baru	Jalan Cengal, Taman Banting Baru	4	Tarikh permohonan	11 Mac – 10 April 2024 (31 hari)	12 Mac – 9 April 2024 (29 hari)	12 Mac – 9 April 2024 (29 hari)	5	Fi Bayaran	RM 4,550.00	RM 3,250.00	RM 3,250.00
Bil	Butiran	Permohonan 1	Permohonan 2	Permohonan 3																													
1	Nama pemohon	Encik Zakaria bin Deraman	Encik Ahmadon Saffian bin Izaham	Encik Mat Irwan bin Ismail (MPP Zon 18 & 16- Pemangku)																													
2	Jumlah Petak	70 peniaga	50 peniaga	50 peniaga																													
3	Lokasi	Jalan Cengal, Taman Banting Baru	Jalan Cengal, Taman Banting Baru	Jalan Cengal, Taman Banting Baru																													
4	Tarikh permohonan	11 Mac – 10 April 2024 (31 hari)	12 Mac – 9 April 2024 (29 hari)	12 Mac – 9 April 2024 (29 hari)																													
5	Fi Bayaran	RM 4,550.00	RM 3,250.00	RM 3,250.00																													
2. Bazar Ramadan Taman Dato' Hormat																																	
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>Bil</th><th>Butiran</th><th>Permohonan 1</th><th>Permohonan 2</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td><td>Nama pemohon</td><td>Encik Ahmad Nazli Bin Hj. A. Manaf</td><td>Encik Kamalanathan Chellappan (MPP Zon 4, MPKL)</td></tr> <tr> <td>2</td><td>Jumlah Petak</td><td>25 peniaga</td><td>25 peniaga</td></tr> <tr> <td>3</td><td>Lokasi</td><td>Jalan Palas 2, Taman Dato Hormat</td><td>Jalan Pandan, Taman Dato' Hormat</td></tr> <tr> <td>4</td><td>Tarikh permohonan</td><td>12 Mac – 9 April 2024 (29 hari)</td><td>12 Mac – 9 April 2024 (29 hari)</td></tr> <tr> <td>5</td><td>Fi Bayaran</td><td>RM 1,625.00</td><td>RM 1,625.00</td></tr> </tbody> </table>				Bil	Butiran	Permohonan 1	Permohonan 2	1	Nama pemohon	Encik Ahmad Nazli Bin Hj. A. Manaf	Encik Kamalanathan Chellappan (MPP Zon 4, MPKL)	2	Jumlah Petak	25 peniaga	25 peniaga	3	Lokasi	Jalan Palas 2, Taman Dato Hormat	Jalan Pandan, Taman Dato' Hormat	4	Tarikh permohonan	12 Mac – 9 April 2024 (29 hari)	12 Mac – 9 April 2024 (29 hari)	5	Fi Bayaran	RM 1,625.00	RM 1,625.00						
Bil	Butiran	Permohonan 1	Permohonan 2																														
1	Nama pemohon	Encik Ahmad Nazli Bin Hj. A. Manaf	Encik Kamalanathan Chellappan (MPP Zon 4, MPKL)																														
2	Jumlah Petak	25 peniaga	25 peniaga																														
3	Lokasi	Jalan Palas 2, Taman Dato Hormat	Jalan Pandan, Taman Dato' Hormat																														
4	Tarikh permohonan	12 Mac – 9 April 2024 (29 hari)	12 Mac – 9 April 2024 (29 hari)																														
5	Fi Bayaran	RM 1,625.00	RM 1,625.00																														

3. Bazar Raya Triana, Tropicana Aman

Bil	Butiran	Permohonan 1	Permohonan 2
1	Nama pemohon	Encik Mohd Norhazman bin Mohd Kasim	Encik Saifull Izam bin Misuan (MPP Zon 20, MPKL)
2	Jumlah Petak	120 Peniaga (Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 2 Tahun 2024 memutuskan untuk memberi kebenaran hanya 50 petak sahaja kerana lokasi merupakan tapak parkir kenderaan dan menyebabkan kesesakan untuk orang awam meletakkan kenderaan)	120 peniaga
3	Lokasi	Kawasan Parking,Pusat Perdagangan Triana, Tropicana Aman,Telok Panglima Garang	Kawasan Parking,Pusat Perdagangan Triana, Tropicana Aman,Telok Panglima Garang
4	Tarikh permohonan	25 Mac 2024 – 9 April 2024 (16 hari)	25 Mac 2024 – 9 April 2024 (16 hari)
5	Fi Bayaran	RM 39,400.00	RM 39,400.00

KEPUTUSAN MESYUARAT

Mesyuarat bersetuju supaya Ahli Majlis MPP kawasan tersebut menjadi penyelaras bazar dan perlu adil dalam memberi peluang kepada peniaga-peniaga.

7.3

KERTAS MESYUARAT NO. 3

CADANGAN PEMAKAIAN BATIK MALAYSIA SEMASA WAKTU BEKERJA BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR.

Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.

Pelaksanaan

1. Pemakaian batik Malaysia oleh pegawai perkhidmatan awam telah dilaksanakan semenjak tahun 1985.
2. Bagi meneruskan sokongan kepada industri batik Malaysia dan memastikan ia kekal sebagai warisan dan lambang identiti rakyat Malaysia,

JKP

		<p>Kerajaan Negeri Selangor bersetuju agar semua pegawai perkhidmatan awam Negeri Selangor diwajibkan memakai pakaian batik Malaysia berlengan panjang pada setiap hari Khamis dan digalakkan pemakaianya pada hari bekerja yang lain (lengan panjang/pendek).</p> <p>3. Ketetapan pemakaian batik ini dikecualikan bagi pegawai yang dibekalkan pakaian seragam atau menghadiri majlis rasmi dengan ketetapan kod pakaian tertentu.</p> <p>4. Namun demikian, bagi menyahut saranan kerajaan yang sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi kualiti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, pihak MPKL menggunakan peruntukan di bawah Perintah 21, Perintah Tetap Mesyuarat untuk menggantungkan pemakaian Perintah 38, PTM 2007 dan membenarkan etika seperti berikut di bawah :</p> <p>4.1 pemakaian pakaian batik lengan panjang sekiranya mesyuarat diadakan pada hari Khamis selaras dengan pekeliling, surat pekeliling Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Rujukan : JPA.100-1/4/1(13) bertarikh 21 Ogos 2023 bertajuk Pemakaian Batik Malaysia Semasa Waktu Bekerja Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Surat Pekeliling SUK Bil. 3 Tahun 2023 bertarikh 29 September 2023 bertajuk Pemakaian Batik Malaysia Semasa Waktu Bekerja Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Selangor;</p> <p>4.2 pemakaian etika pakaian selain lounge suit dan baju batik dibenarkan sekiranya mesyuarat diadakan diluar pejabat tertakluk kepada notis pemakluman mesyuarat oleh Setiausaha Mesyuarat.</p>	
--	--	--	--

		<u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u> Mesyuarat bersetuju meluluskan pemakaian Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa serta-merta mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.	
	7.4	<p><u>ADDENDUM NO. 1</u></p> <p>BAYARAN INSENTIF AWAL KAJIAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2024.</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p>1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-4/2024 pada 7 Februari 2024 dan disahkan pada MMKN Ke-5/2024 bertarikh 16 Februari 2024 menimbangkan dan meluluskan Pemakaian Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) – Bayaran Insentif Awal (BIA) Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Tahun 2024 di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sebanyak RM 2,000.00 kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah termasuk pegawai/kakitangan kontrak dan Personal Mystep.</p> <p>Di samping itu, BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini juga turut dipanjangkan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Gred Jawatan Utama/Khas dan pesara Kerajaan serta veteran berpencen dan tidak berpencen sebanyak RM 1,000.00.</p> <p>2. Semua bayaran akan dibayar kepada pegawai yang masih berkhidmat pada 23 Februari 2024.</p> <p>3. Pembayaran BIA Kajian SSPA Tahun 2024 akan dibuat pada 8 Mac 2024 dan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.</p>	JKP

4. Sehubungan dengan itu, mesyuarat MMKN juga bersetuju bahawa perkara ini turut dipanjangkan pemakaianya kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

Implikasi kewangan

1. Berikut adalah pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah termasuk pegawai/kakitangan kontrak dan Personal MyStep yang sedang berkhidmat di MPKL :

BIL	LANTIKAN TETAP (Orang)	LANTIKAN KONTRAK (Orang)	LANTIKAN PERSONAL MYSTEP (Orang)	JUMLAH
1.	315 (RM630,00.00)	198 (RM396,000.00)	10 (RM20,000.00)	523 (RM1,046,000.00)

2. Bagi tujuan pembayaran BIA-SSPA ini, pihak Majlis akan menggunakan peruntukan VOT B11101 (Gaji & Upahan Tetap) serta VOT B29301 (Upahan Kontrak). Walau bagaimanapun, jika peruntukan gaji ini tidak mencukupi, pihak MPKL akan membuat bajet tambahan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor dalam kajian semula bajet MPKL 2024.

KEPUTUSAN MESYUARAT

Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.

	<p>7.5</p> <p><u>ADDENDUM NO. 2</u></p> <p>PERMOHONAN MENGADAKAN BAZAR RAMADAN TAHUN 2024 DAERAH KUALA LANGAT</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><i>Syor</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pihak Jabatan tiada halangan terhadap permohonan ini dan sekiranya diluluskan, penganjur dikenakan syarat-syarat dan bayaran yang telah ditetapkan. 2. Kadar fi dan bayaran yang akan dikenakan adalah seperti berikut : <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th><th>Butiran</th><th>Kadar Fi</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Permit Penjaja Bazar</td><td>RM 60.00 / petak</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>Pas Pembantu (1-3 orang)</td><td>RM 50.00</td></tr> <tr> <td>3.</td><td>Pas Permit Bazar Ramadan</td><td>RM 5.00 / unit</td></tr> </tbody> </table> <ol style="list-style-type: none"> 3. Segala fi dan bayaran perlu dijelaskan selewat-lewatnya 7 hari sebelum hari penganjuran. 4. Pihak penganjur perlu mengemukakan dokumen berikut 7 hari sebelum program dijalankan : <ol style="list-style-type: none"> 4.1 mengemukakan surat lantikan KDEB bagi kutipan sampah serta bertanggungjawab bagi pengurusan sampah dan menjaga kebersihan di tapak penjaja. 4.2 Peniaga makanan dan minuman perlu mengemukakan salinan sijil kursus pengendalian makanan dan salinan surat suntian TY2 dari mana-mana klinik kerajaan@swasta. 4.3 Resit bayaran dan sekiranya gagal mengemukakan resit dalam tempoh yang ditetapkan, penganjuran bazar ini akan dibatalkan. 5. Jenis perniagaan yang dibenarkan bagi permit Bazar Ramadan adalah makanan dan minuman 	Bil	Butiran	Kadar Fi	1.	Permit Penjaja Bazar	RM 60.00 / petak	2.	Pas Pembantu (1-3 orang)	RM 50.00	3.	Pas Permit Bazar Ramadan	RM 5.00 / unit	JPL
Bil	Butiran	Kadar Fi												
1.	Permit Penjaja Bazar	RM 60.00 / petak												
2.	Pas Pembantu (1-3 orang)	RM 50.00												
3.	Pas Permit Bazar Ramadan	RM 5.00 / unit												

	<p>sahaja.</p> <p>6. Masa operasi yang dibenarkan bagi pengoperasian Bazar Ramadan adalah bermula dari jam 3.00 petang sehingga 8.00 malam. Manakala bagi masa operasi yang dibenarkan untuk Bazar Raya adalah dari jam 3.00 petang hingga 12.00 malam.</p> <p>7. Memastikan aspek keselamatan dan kawalan lalulintas diutamakan di lokasi serta mendapat bantuan keselamatan daripada pihak Rela.</p> <p>8. Setiap peniaga dan pembantu diwajibkan memakai apron dan penutup kepala (Bazar Ramadan).</p> <p>9. Hanya khemah saiz 8'x8' yang dibenarkan.</p> <p>10. Konsep jualan dibenarkan secara bungkus (take away) sahaja.</p> <p>11. Pematuhan kepada arahan semasa daripada MKN.</p> <p>12. Peniaga perlu menyediakan plastik sampah dan diwajibkan membersihkan tapak niaga sebelum keluar dari tapak bazar.</p> <p>13. Peniaga dilarang menggunakan khidmat warganegara asing dalam aktiviti perniagaan.</p> <p>14. Tidak dibenarkan menimbulkan apa-apa bentuk kacauganggu sebelum, semasa atau selepas karnival dijalankan.</p> <p>15. Pihak MPKL tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kemalangan yang berlaku di tapak bazar sepanjang masa bazar dijalankan.</p> <p>16. Pihak penganjur bazar hendaklah memastikan kawasan tapak perniagaan sentiasa bersih iaitu semasa dan selepas urusniaga. Sebarang pembakaran terbuka adalah dilarang.</p>	
--	--	--

		<p>17. Memastikan barang yang dijual mematuhi syarat daripada KPDN.</p> <p>18. Pengajur juga tertakluk kepada arahan dan perundangan yang dikuatkuasakan oleh MPKL dan agensi Kerajaan lain.</p> <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya Ahli Majlis MPP kawasan tersebut menjadi penyelaras bazar dan perlu adil dalam memberi peluang kepada peniaga-peniaga.</p>	
8.0	UCAPAN PENANGGUHAN		
		Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Sahnizam bin Othman.	
	i.	<p>Beliau mengucapkan salam ukhwah, salam sejahtera dan salam Madani kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, Tuan Timbalan Yang Dipertua, YDM Tengku Dato Mohamed AlHaj bin Tengku Harun, Ketua Whip dan semua Ahli Majis dan Pengarah-Pengarah Jabatan.</p> <p>Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang dan kepercayaan untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Majlis Perbandaran Kuala Langat pada hari ini.</p>	Makluman
	ii.	Beliau juga merakankan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kepercayaan yang telah diberi selama satu tahun yang terdahulu dan di atas pelantikan semula sebagai Ahli Majlis MPKL untuk sesi 2024/2025 ini. Beliau berharap kerjasama yang terdahulu daripada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak, dapat diteruskan lagi dalam memberikan perkhidmatan yang lebih baik, amanah dan berdedikasi untuk pemantapan MPKL agar terus maju dan cemerlang di masa akan datang.	Makluman
	iii.	Daerah Kuala Langat kini kian rancak membangun dengan pelbagai rancangan jangka masa pendek dan Panjang seperti mewujudkan pelabuhan ketiga di Pulau Carey dan Projek Wilayah Pembangunan Bersepadu	Makluman

		<p>Selangor Selatan (IDRISS) yang akan memberi tempias ekonomi kepada daerah ini. Lantaran itu, sudah pasti Kawasan sekitarnya akan terlibat dengan perubahan dan pembangunan sama ada dalam menambah baik keadaan yang sedia ada maupun penerokaan kawasan baharu dalam merealisasikan rancangan pembangunan tersebut. Sehubungan dengan itu, perancangan yang lebih teliti perlu diperhalusi terutama yang melibatkan penerokaan dan perataan tanah baharu yang mungkin akan mengganggu ekosistem dan habitat yang sedia ada.</p>	
	iv.	<p>Ketika ini, isu anjing liar masih belum dapat ditangani sepenuhnya dan ditambah pula dengan isu haiwan lain yang mula mengganggu penduduk seperti kehadiran monyet liar di kawasan penempatan manusia akibat habitat asal mereka telah terganggu dengan pembangunan yang kian rancak.</p> <p>Sehubungan dengan itu, Tindakan yang lebih proaktif dalam perlaksanaan modul yang telah dirancang dan sedang dilaksanakan dalam menangani isu anjing liar ini perlu sama-sama direalisasikan oleh pihak berkuasa atau yang terlibat. Kerjasama rakyat juga penting dalam menjayakannya.</p>	Makluman
	v.	<p>Isu-isu kemudahan asas setempat seperti system perparitan, saliran dan struktur jalan raya yang sering ditularkan oleh penduduk telah mengganggu dan mengancam keselamatan penduduk. Tindakan dan kerjasama oleh pihak yang berkaitan perlu dalam menangani isu ini agar segala masalah dapat dikurangkan atau diatasi dengan sebaiknya demi kesejahteraan semua.</p>	Makluman
	vi.	<p>Beliau meminjam kata-kata ini iaitu "Pengurusan perbandaran yang baik, bukan sahaja untuk manusia, malah haiwan dan semua unsur kehidupan diselenggara demi mewujudkan satu ekosistem yang dinamik dan kehidupan yang lestari".</p> <p>Beliau berharap pembangunan dan perkembangan yang semakin pesat ini akan turut meningkatkan serta menggalakkan lagi sektor pelancongan dan rekreasi di daerah ini yang semua pihak sedia maklum terdapat banyak tempat menarik dan bersejarah yang berpotensi</p>	Makluman


		untuk lebih dikenali di khalayak luar. Hampir segala siri pelancongan dan rekreasi seperti eko pelancongan, agro pelancongan, industri, seni dan kebudayaan serta sukan boleh diperolehi di daerah ini. Penambahbaikan dalam penyediaan infrastruktur, kemudahan fasiliti di tempat-tempat pelancongan akan menarik lebih ramai pelancong tempatan mahupun luar datang bertandang.	
	vii.	Sebelum mengakhiri ucapan, beliau menzahirkan penghargaan kepada YBhg. Dato' YDP, Tuan Setiausaha, Pengarah Jabatan dan rakan-rakan Ahli Majlis yang banyak memberi Kerjasama, tunjuk ajar dan membantu dalam menangani isu-isu yang berbangkit.	Makluman
9.0		UCAPAN PENUTUP OLEH PENGERUSI	
		YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat. Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini.	Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.15 pagi.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Kuala Langat
Tarikh : 23/2/2024

Disemak oleh :


(KHAIRUL-AZAM BIN SARONI, A.M.S.)
Setiausaha,
Majlis Perbandaran Kuala Langat.
Tarikh : *28/02/24*

Disahkan oleh :

(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Langat.

Tarikh : 28 FEB 2024

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh En. Sahnizam b. Othman
dan disokong oleh semua ahli mesyuarat tanpa pindaan.

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JKPM - JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP - JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. JTM - JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
16. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
17. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN